

30/05/1999

Petrosains papar teknologi terkini

Dewi Murni Mohamed; Hazirah Che Sab

SELEPAS menubuhkan Orkestra Filharmonik Malaysia dan Galeri Petronas bertaraf dunia, syarikat pengeluar minyak nasional, Petronas melangkah setapak lagi dengan pembinaan pusat sains, Galeri Petronas-Sains (Petrosains).

Petrosains yang terletak di aras empat, Pusat Beli Belah Suria di Menara Berkembar Petronas (KLCC) adalah usaha bersungguh-sungguh syarikat itu bagi memaju dan mempopularkan bidang sains petroleum di negara ini.

Idea pembinaan Petrosains itu mula dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan presidennya, Tan Sri Mohd Hassan Marican begitu bersungguh-sungguh untuk mewujudkan sebuah pusat sains bertaraf antarabangsa di KLCC.

Kedua-duanya juga memberi panduan dan dorongan sehingga terbinanya Petrosains unik dan inovatif ini.

Petrosains pertama seumpamanya di negara ini dilengkapi teknologi terkini perkomputeran dan multimedia interaktif mempunyai keluasan 100,000 kaki persegi, menjadi pusat sains terancang di rantau ini.

Ia menghimpunkan lebih 150 pameran dan persembahan interaktif, juga mesin masa Diaroma yang akan membawa pengunjung mengimbuai kehidupan 200 juta tahun dahulu, ketika zaman prasejarah serta Dunia Molekul Nano.

Petrosains adalah muzium kontemporari yang membenarkan pengunjung menyentuh, merasa dan mencuba bahan pameran dengan gabungan alat tematik, kesan audio visual realistik, imej tiga dimensi dan kesan simulasi.

Pengunjung akan didedahkan kepada keajaiban dunia sains yang tiada sempadan kerana setiap pamerannya mempunyai mesej tertentu walaupun ia dipersembahkan menerusi permainan atau hiburan.

Misalnya, menerusi permainan wayang kulit tradisional di perkampungan kartun - Taman Petrojaya, watak Sri Rama dan Dewata dihidupkan dengan penuh berkesan menggunakan teknologi multimedia dan imej tiga dimensi, bagi mencari tongkat sakti.

Pengalaman baru menggunakan Arif iaitu komputer sebesar tapak tangan yang akan membekalkan apa sahaja yang anda ingin tahu menjadikan Petrosains paling canggih dalam dunia teknologi maklumat (IT).

Maklumat di hujung jari adalah ciri utama di Petrosains, sebab itulah komputer di situ tidak dilengkapi papan kekunci kerana ia menggunakan sepenuhnya teknologi Rakan Maklumat Bestari.

Penjelajahan ke alam Petrosains lebih unik dan sukar dilupakan apabila melalui Perjalanan Sekilas Masa (Dark Ride) dengan kenderaan unik berbentuk separa bulat.

Bagi yang mahu ke pelantar minyak, pengalaman menaiki helikopter simulasi akan memberi pengalaman baru kerana anda akan berada beratus ribu kaki dari aras laut menuju ke tengah lautan bagi meninjau proses carigali minyak.

Ini adalah tarikan utama Petrosains kerana pengunjung dapat merasai suasana sebenar kehidupan pekerja di pelantar minyak selain melihat susah payah mereka melakukan tugas mencari gali sumber asli terpenting itu.

Bagi menambah kefahaman mengenai industri petroleum, Waterwall akan memberi kesan 'di bawah laut' kerana kebanyakan sumber petroleum di negara ini datangnya dari dasar Laut China Selatan.

Melangkah ke Diaroma pula, model realistik dinosaur T-Rex yang boleh menyanyi akan menyambut anda selain limpahan lava dari kawah gunung berapi

serta persembahan sains petroleum seperti fosil, lautan dan batu-batan.

Pengarah Projek Petrosains Sdn Bhd, Tengku Nasariah Tengku Syed Ibrahim, berkata Petrosains diwujudkan bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap sains petroleum sebagai bidang yang menarik untuk diterokai.

"Selama ini konsep sains seringkali dianggap rumit dan sukar difahami tetapi di Petrosains, pengunjung akan didedahkan kepada konsep baru iaitu pusat sains sebagai tempat hiburan dan rekreasi," katanya dalam majlis pembukaan rasminya, baru-baru ini.

Tanpa menyebut kos pembinaannya, Tengku Nasariah berkata pusat itu adalah projek nasional bagi merealisasikan Wawasan 2020 selaras hasrat Perdana Menteri menjadikan negara sebagai pusat IT.

"Kewujudan Petrosains akan menjadikan masyarakat lebih menghargai petroleum sebagai sumber asli terpenting dalam kehidupan selain merangsang pelajar memilih kerjaya dalam industri petroleum," katanya.

Bagaimanapun, Tengku Nasariah tidak menolak cabaran untuk mewujudkan sebuah pusat sains bertaraf dunia seperti itu bukan suatu tugas yang mudah kerana masyarakat kini terdedah kepada teknologi terkini.

Beliau berkata, kerana itulah kerjasama pakar luar negara, misalnya dari Pusat dan Teknologi Australia di Canberra diperlukan bagi mendapatkan hasil terbaik.

(END)